

Kerajaan naik taraf sistem pangkalan data eKasih

Guna teknologi baharu, peroleh maklumat lebih tepat

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Luqman Arif Abdul Karim
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan akan menaik taraf sistem pangkalan data eKasih yang sudah berusia 13 tahun dengan penggunaan teknologi baharu, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Perdana Menteri berkata, dana berjumlah RM6.8 juta diperuntukkan bagi tujuan itu, sekali gus diyakini berupaya meraih kesan positif ke arah pelbagai usaha penyaluran bantuan.

"Kita tahu sistem eKasih dibangunkan sejak 2007 dan diuruskan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Penguurusan Malaysia (MAMPU).

"Saya sedar sistem lama ini tidak berapa berkesan, justeru langkah memperkemas dengan menggunakan teknologi baharu bagi memberi data lebih tepat akan dilakukan.

"Bagaimanapun, usaha memperkemas kualiti eKasih yang bakal menggunakan kaedah baharu akan mengekalkan nama eKasih juga. Cumanya, ia tidak seperti eKasih lama," katanya pada sesi pertanyaan lisan di Dewan Rakyat, di sini, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu (PN-Tambun) berhubung keberkesanan eKasih dan sama

ada kerajaan berhasrat menaik taraf sistem berkenaan.

Kepada soalan asal Ahmad Faizal berhubung usaha mengenal pasti golongan yang jatuh ke dalam kategori miskin dan miskin tegar secara tiba-tiba berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Muhyiddin berkata, krisis COVID-19 men-

Usaha memperkemas kualiti eKasih bakal guna kaedah baharu akan mengekalkan nama eKasih juga. Cumanya, ia tidak seperti eKasih lama.

Muhyiddin Yassin,
Perdana Menteri

jejaskan ekonomi dengan ketara di seluruh dunia.

Berdasarkan anggaran Bank Dunia, katanya, pandemik kesihatan itu akan menyebabkan tambahan antara 88 juta sehingga 115 juta orang jatuh ke kategori miskin tegar di seluruh dunia.

"Oleh itu, pelaksanaan PKP dan pandemik COVID-19 di Malaysia menyebabkan peningkatan pengangguran dan dijangka menambah jumlah golongan miskin serta miskin tegar.

"Data sedang dikumpul untuk mengenal pasti kumpulan baharu yang jatuh dalam kategori miskin dan miskin tegar.

"Setakat 3 Disember lalu, pekerja hilang pekerjaan yang menuntut Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) ialah seramai 101,385 iaitu lebih tinggi berbanding kira-kira 40,000 pekerja pada 2019 dan 24,000 pekerja pada 2018," katanya.



Langkah memperkemas dengan menggunakan teknologi baharu bagi memberi data eKasih lebih tepat akan dilakukan. (Foto hiasan)